

PELUANG KERJAYA DI SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Januari 2008, mempelawa semua warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan bagi mengisi kekosongan jawatan di Suruhanjaya seperti berikut:

Jawatan	:	Pegawai Undang-Undang
Gred Jawatan	:	L12
Kumpulan	:	Pengurusan dan Professional
Perkhidmatan	:	
Klasifikasi	:	Perundangan dan Kehakiman
Perkhidmatan	:	
Jadual Gaji	:	RM5,166.00 – 11,695.00
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Syarat Lantikan	:	1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: (a) warganegara Malaysia; (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan (c) kelayakan : i. Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. ii. Lulus Peperiksaan Akhir Peguam (<i>Bar Final Examination</i>); iii. Mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang litigasi perbankan dan 'conveyancing' sekurang-kurangnya selama enam (6) tahun iv. <i>Mempunyai pengalaman dalam Gerakan Koperasi adalah suatu kelebihan.</i>

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Taraf Jawatan	:	Kontrak
Penaklukan Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan	:	Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
Fungsi Bidang Tugas Dan Tanggungjawab	:	1. Dokumentasi dan Penyediaan/Semakan Perjanjian Pembiayaan - Menyemak semua dokumen tawaran dan dokumen sekuriti selaras dengan pindaan-pindaan terbaharu yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sebelum dikemukakan kepada koperasi yang diluluskan kemudahan pembiayaan; - Menyedia, menyemak, dan mengemaskini apa-apa dokumen perjanjian pembiayaan antara Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan koperasi; - Memastikan dokumen pembiayaan seperti surat tawaran, perjanjian pembiayaan, surat aku janji, serta dokumen cagaran selaras dengan peruntukan undang-undang; dan - Menguruskan pematuhan undang-undang berkaitan pembiayaan koperasi, termasuk konsep pembiayaan berlandaskan syariah, Akta Koperasi 1993, dan undang-undang kewangan lain. 2. Pengurusan Jaminan dan Cagaran - Menguruskan pendaftaran gadaian bagi pembiayaan yang mempunyai cagaran aset dan pemantauan ke atas status aset tersebut. - Menyemak dokumen gadaian/ surat ikatan penyerahanhak/ surat ikatan amanah yang telah dilengkapi oleh peguam/koperasi sebelum diserahkan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) untuk daftar gadaian seterusnya untuk dikemukakan kepada KUSKOP untuk proses tandatangan bagi pihak Kerajaan Malaysia; - Meneliti dan mengesahkan dokumen cagaran, termasuk geran tanah, bon jaminan dan surat ikatan penyerahanhak bagi pembiayaan koperasi; dan - Mengendalikan prosedur pelepasan cagaran apabila pembiayaan selesai dibayar.

3. Membantu menjalankan tugas perundangan kepada Unit Pemantauan & Pemulihan (*Monitoring & Recovery Unit*)

- Memberi nasihat undang-undang kepada Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit berkaitan isu pembiayaan dan pemulihan hutang;
- Menyediakan dokumen perjanjian berkaitan pemulihan pembiayaan koperasi antaranya melalui kaedah penjadualan dan perstruktur semula pembiayaan.
- Memulakan dan menguruskan tindakan undang-undang terhadap koperasi yang gagal membuat bayaran, termasuk proses saman, perintah mahkamah, dan tindakan pelaksanaan.
- Berurusan dengan peguam lantikan dan pihak berkuasa berkaitan untuk tindakan litigasi; dan
- Menyediakan memorandum atau pendapat undang-undang (*legal opinion*) mengenai tindakan perundangan yang boleh diambil terhadap koperasi bermasalah.

4. Penyelarasan dengan Agensi Berkaitan

- Berurusan dengan Mahkamah, Pejabat Tanah, Jabatan Insolvensi, Bank Negara Malaysia (BNM), dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dalam hal berkaitan tindakan undang-undang ke atas koperasi; dan
- Menjalankan rundingan dengan koperasi dan peguam koperasi bagi penyelesaian kes pembiayaan yang bermasalah.

5. Khidmat Nasihat Undang-Undang

- Membantu mengkaji dan memberi cadangan bagi penambahbaikan dokumen sekuriti kemudahan Pembiayaan TMPSKM;
- Menyediakan laporan berkala mengenai kes-kes tindakan undang-undang dan status pembayaran balik pembiayaan; dan
- Lain-lain tugas yang berkaitan dengan bidang perundangan bagi kemudahan pembiayaan TMPSKM;

Tarikh Tutup
Permohonan

: **26 September 2025 (Jumaat)**